



KUPASAN MUTU JAWAPAN

SEJARAH 3
1249/3

SPM
2014

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran	:	1249/3
Bentuk Ujian	:	Esei ditadbir secara <i>open book test</i>
Markah Penuh	:	100
Masa	:	3 jam

REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

1. Kertas Sejarah 1249/3 merupakan kertas baru yang diperkenalkan selari dengan hasrat menjadikan sejarah sebagai subjek wajib lulus bermula tahun 2013.
2. Bahagian dalam kertas soalan mengandungi satu Tugas Spesifik dan sembilan perincian. Jenis tugas berbentuk esei.
3. Tugas mengandungi 6 konstruk yang disusun mengikut tahap bermula dengan memahami, mengaplikasi, menilai, menjana idea dan menghayati nilai/iktibar/unsur patriotisme.
4. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan kerangka jawapan yang disediakan dan boleh merujuk dokumen seperti buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota bertulis, bahan fotostat dan bahan-bahan bercetak.
5. Peperiksaan dijalankan secara *open book test*.

PRESTASI KESELURUHAN

Prestasi keseluruhan calon sangat cemerlang. Jawapan calon menunjukkan keupayaan menguasai fakta sejarah dengan baik dan tepat serta menampakkan kematangan berfikir. Calon kategori kurang mahir membaca juga dapat menjawab tugas dengan merujuk buku teks dan bahan-bahan bercetak yang lain.

Kebanyakan calon menjawab dengan baik pecahan 1, 2, 3, 8, dan 9. Hal ini kerana kesemua pecahan soalan tersebut mudah difahami. Bagi perincian 4, dan 5 segelintir calon gagal mendapat markah maksimum kerana Isi yang dikemukakan terhad.

Bagi perincian 6(a), segelintir calon yang gagal mendapat markah maksimum disebabkan hanya menjawab sebab pihak yang mempertikaikan amalan demokrasi di Malaysia secara umum. Manakala pecahan 6(b) calon mengemukakan cadangan untuk menghapuskan persepsi negatif secara berulang-ulang. Selain itu, calon gagal menjawab dengan baik kerana tidak memahami kehendak soalan dengan tepat. Namun majoriti calon memahami sebab pihak-pihak yang mempertikaikan amalan demokrasi di Malaysia dan cadangan untuk menghapuskan persepsi negatif tersebut.

Bagi Perincian 7(a) calon berjaya memahami kehendak soalan iaitu mengapakah huru-hara di negara yang mengamalkan sistem demokrasi serta pecahan 7(b) bagaimana huru-hara dapat diselesaikan. Bagi calon yang tidak memahami hanya berjaya menjawab pecahan 7(b) kerana pecahan 7(a) calon mengemukakan pandangan secara umum dan tidak relevan.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Tinggi

Calon dalam kumpulan ini dapat memberikan jawapan yang tepat dan lengkap. Mereka dapat mengemukakan jawapan melebihi kehendak peruntukan markah dalam peraturan pemarkahan. Kemampuan mengutarakan idea tambahan yang relevan dan di luar konteks buku teks menjadi kekuatan kumpulan ini. Jawapan mereka jelas menunjukkan pengetahuan yang luas terhadap isu-isu semasa dan mahir menjawab tugas Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Calon berjaya menghuraikan fakta sejarah secara terperinci dengan menggunakan ayat-ayat yang gramatis dan pengolahan yang menarik. Jawapan calon tersusun dan menggunakan teknik pemerenggan yang baik.

Kumpulan Sederhana

Calon berjaya menjawab tugas dengan baik bagi perincian yang perlu merujuk buku teks. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir calon menyalin maklumat dalam buku teks tanpa mengikut kehendak tugas. Calon kumpulan ini kurang kemahiran untuk menjawab tugas KBAT. Calon gagal mengaitkan pengalaman hidup dalam konteks sejarah apabila menjawab tugas KBAT kerana pengetahuan semasa calon tidak meluas. Fakta yang dikemukakan tidak mencukupi, bercampur aduk dan tidak menepati kehendak tugas. Terdapat juga pengulangan fakta. Penguasaan dan gaya bahasa sebahagian calon adalah sederhana dan kurang gramatis.

Kumpulan Rendah

Calon tidak memahami kehendak tugas dengan tepat. Jawapan calon sangat umum dan kurang relevan. Calon hanya menyalin maklumat dari buku teks tanpa memahami kehendak tugas. Terdapat juga jawapan calon yang terpesong. Terdapat juga calon yang mengemukakan jawapan dalam bentuk *point*. Di samping itu, calon tidak berkemahiran untuk menjawab tugas KBAT. Penguasaan dan gaya bahasa calon amat lemah.

PRESTASI TERPERINCI

Perincian 1

1. Maksud demokrasi berparlimen.

Soalan ini berkehendakkan calon menjelaskan maksud demokrasi berparlimen.

1. Pengenalan : Demokrasi berparlimen.

Demokrasi Berparlimen bermaksud rakyat melibatkan diri dalam sistem pemerintahan negara. Raja-Raja Melayu menjadi lambang taat setia rakyat. Dalam sistem pemerintahan demokrasi berparlimen rakyat berpeluang membentuk kerajaan. Rakyat bebas memilih perwakilan melalui pilihan raya. Rakyat berhak menyokong, mengekalkan atau menukarkan kerajaan yang sedia ada melalui pilihan raya.

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan yang cemerlang. Calon dapat menjelaskan maksud demokrasi berparlimen dengan tepat dan terperinci. Tugas dijawab mengikut kehendak soalan. Pengolahan ayat jelas dan gramatis.

Demokrasi berparlimen membawa maksud rakyat terlibat dalam sistem pemerintahan negara. Di Raja-raja Melayu menjadi lambang taat setia rakyat. Dari segi istilah, demokrasi berasal daripada bahasa Yunani iaitu 'demos' yang bererti rakyat dan 'kratos' yang bererti kekuasaan.

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan sederhana. Isi yang dikemukakan terhad dan terdapat isi yang tidak relevan dengan kehendak tugas.

Maksud demokrasi berparlimen itu ada satu badan yang suka tolong orang susah dapat wang. Menda orang bagus.

Mutu jawapan yang lemah, gagal untuk menjelaskan maksud demokrasi berparlimen. Calon memukakan jawapan yang tidak relevan. Struktur ayat lemah serta sukar difahami serta menggunakan perkataan yang tidak jelas maksudnya.

Perincian 2

2. Ciri-ciri demokrasi berparlimen yang diamalkan di Malaysia.

Soalan ini berkehendakkan calon menjelaskan ciri-ciri demokrasi berparlimen yang diamalkan di Malaysia.

Isi dan Huraian

Demokrasi beparlimen beparlimen dapat dibahagikan kepada 7 ciri utama iaitu Pelembagaan, Raja bepelembagaan, Parlimen, Pilihan Raya, Kuasa Pemerintahan, Parti-parti politik dan kebebasan Asasi. Negara kita mengamalkan sistem demokrasi beparlimen yang lahir daripada perjuangan bersejukan kedaulatan negara.

Ciri pertama demokrasi beparlimen ialah Pelembagaan. Pelembagaan merupakan undang-undang tertinggi yang menjadi asas kepada pembentukan kerajaan. Pelembagaan adalah dokumen rasmi yang terkandung peraturan dan prinsip sebagai panduan untuk kerajaan menjalankan atau melaksanakan kuasa pentadbiran. Parti politik yang memerintah akan mengetahui hala tuju pentadbiran negara dan ini akan menjamin kerajaan menunaikan tanggungjawab kepada rakyat. Pelembagaan Malaysia diperkenalkan pada 16 September 1963 dan mengandungi 183 perkara. Pelembagaan mengandungi pelbagai peruntukan seperti Senarai Kerajaan Persekutuan dan Senarai negeri, Institut Yang - Di Pertuan Agung, Parlimen, Jemaah Menteri dan Badan Kenakman. Malaysia membahagikan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan negeri.

Ciri kedua demokrasi beparlimen ialah Raja Bepelembagaan. Raja Bepelembagaan merupakan ciri unik yang hanya terdapat di negara kita. Raja Bepelembagaan bermaksud sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan dalam perlembagaan Malaysia. Yang - di Pertuan Agung bertindak berdasarkan Perlembagaan Malaysia dan atas narabat Perdana Menteri. Semasa bertugas baginda tidak boleh bertindak sendirian kecuali dalam perkara tertentu.

Yang di Peruan Agung dipilih secara bergilir-gilir mengikut Peruntukan
Pelembagaan Malaysia. Antara tugas Yang di Peruan Agung
ialah sebagai Ketua Negara, Ketua Temaga, Angkatan Tentera
serta memanggil dan membubarkan Parlimen. Sistem ini
merupakan tonggak keagungan Kerajaan Malaysia sejak kini
mencapai kemerdekaan.

Ciri ketiga demokrasi berparlimen ialah kuasa pemerintahan
Negara kita mengamalkan konsep pengasingan kuasa di mana
kuasa pemerintahan dibahagikan kepada tiga cabang iaitu
badan perundangan, badan pelaksanaan dan badan kehakiman.
Fungsi badan perundangan adalah mengisytiharkan undang-undang
di negara kita bagi menjamin keadilan dan keseronterangan
rakyat. Badan pelaksanaan adalah badan yang melaksanakan
dasar-dasar kerajaan. Badan pelaksanaan terdiri daripada Jemaah

Ciri keempat demokrasi berparlimen ialah Menteri atau Kabinet
yang diketuai oleh Perdana Menteri. Setiap Kementerian diketuai
oleh seorang Menteri dan dibantu oleh Timbalan Menteri.
Sehubungan Parlimen dan sehubungan politik. Terdapat juga
badan-badan kerajaan yang dikenali sebagai badan bukan
Menteri. Badan-badan ini pula ditubuhkan bagi mengendalikan
urusan pentadbiran, kenaikan pangkat dan pemantauan disiplin
kejawatan perkhidmatan awam. Badan kehakiman mempunyai
kuasa mendengar serta menentukan perlembagaan dan
perlembagaan. Derivasi sivil berkaitan berkaitan dengan fahaman
berdasarkan memenuhkan alih-alih manakala perkara perlembagaan
pula berkaitan berkaitan berkaitan. Badan kehakiman boleh
menentukan kesahihan undang-undang jika menafikan.
Pelembagaan Perlembagaan dan Pelembagaan Negara di
negara kita. Sistem manakalan di negara kita disusun
mengikut hierarki piramid. Semua hakim di negara ini diantik

oleh Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat Perdana Menteri.

Ciri keempat demokrasi berparlimen ialah Parlimen. Parlimen ialah badan perundangan yang bertanggungjawab mengesahkan undang-undang di negara kita. Parlimen terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Dewan Negara juga dikenali sebagai Dewan Senat dan terdiri daripada 69 orang ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong manakala Dewan Rakyat terdiri daripada 119 ahli yang mewakili rakyat. Mereka dipilih melalui satu proses yaitu pilihan raya. Undang-undang yang dibuat di Parlimen dinamai Akta manakala Enakmen dibuat oleh Dewan Undangan Negeri Negeri kecuali di Sabah dan Sarawak yang dinamai sebagai Ordinan.

Ciri kelima demokrasi berparlimen ialah pilihan raya. Pilihan raya adalah proses memilih wakil rakyat untuk memmentah semua atau sama ada pada peringkat negeri atau persekutuan. Pemilihan ini dilakukan secara sulit dengan menggunakan prosedur yang telus dan teratur. Pengiraan undi dibuat secara terbuka dan keputusan akan direkodkan. Calon yang mendapat undi terbanyak dikira menang dan ini dikenali sebagai majoriti mudah. Suruhanjaya Pilihan Raya adalah badan yang mengendalikan pilihan raya di Malaysia. Pilihan raya terdiri daripada pilihan raya umum dan pilihan raya kecil. Semua semua warganegara Malaysia yang berdaftar dan layak boleh mengundi dalam pilihan raya bagi memilih wakil mereka.

• Ciri keenam demokrasi berparlimen ialah Parti Politik. Secara umumnya, parti politik merujuk kepada sekumpulan orang yang mempunyai ideologi politik untuk mencapai matlamat bersama. Parti politik ini berjuang untuk mendapatkan kuasa. Ahli-ahlinya membayar yuran keahlian dan tetatui selalunya membenarkan ketsetiaan dan komitmen terhadap perjuangan parti.

Ciri ketujuh demokrasi berparlimen ialah Hak Asasi Kebebasan Asasi. Perlembagaan Malaysia menjamin hak asasi dan kebebasan rakyat di negara ini. Setiap warganegara mempunyai hak asasi dan kebebasan seperti berpecahan, beragama dan memiliki harta. Dengan ini rakyat mengetahui hak kebebasan kebebasan mereka di sisi undang-undang.

Jawapan di atas mempamerkan kualiti jawapan yang cemerlang. Calon dapat menjelaskan ciri-ciri demokrasi berparlimen yang diamalkan di Malaysia dengan lengkap, jelas dan terperinci. Calon berupaya mengemukakan jawapan melebihi peruntukkan markah serta menepati kehendak perincian. Penulisan jawapan calon sistematik dan diolah berdasarkan fakta yang terdapat di dalam buku teks. Pengolahan isi serta penyampaian yang menarik dengan laras bahasa yang baik.

Ciri-ciri Sistem pemerintahan demokrasi
berparlimen ialah mempunyai perlembagaan.
Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi
yang menjadi asas kepada pembentukan sebuah
kerajaan. Tujuan perlembagaan adalah sebagai
dokumen rasmi negara.

Perlembagaan menjamin kerajaan menunaikan
tanggungjawab kepada rakyat melalui peruntukan
yang terkandung di dalamnya. Perlembagaan
Malaysia yang diperkenalkan mengandungi ~~163~~
183 perlembagaan.

Perlembagaan juga mengandungi peruntukan
seperti Senarai Kerajaan Persekutuan, Kerajaan
negeri dan Senarai Bersama. Institusi yang
di Pertuan Agung, Parlimen, Tanah Menteri
dan Badan kehakiman.

Selain itu, Perlembagaan Malaysia telah
membuat pembahagian kuasa antara kerajaan
Persekutuan dengan kerajaan negeri.

Antara peruntukan perlembagaan ialah Parlimen
sebagai badan perundangan yang bertanggungjawab
menggubal undang-undang di negara kita. Parlimen
terdiri daripada Yang Di Pertuan Agung,
Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Dengan

Perlembagaan menjadi panduan kepada kerajaan
untuk melaksanakan keadilan dan mentadbir negara.
Parti politik atau kerajaan yang memerintah
alasan mengemukakan hala tuju pentadbiran negara.

Dewan Negara atau Senat merupakan dewan tertinggi dalam sistem pemerintahan negara kita. Dalam Dewan Negara mempunyai 69 orang ahli dan 26 orang ahli dipilih daripada 13 buah negeri.

Ahli Dewan negara digelar Senator. Namun begitu mereka dilantik tanpa bertanding dalam pilihanraya. Seorang senator memegang jawatannya selama tiga tahun.

Dewan Rakyat merupakan dewan tertinggi. Semua ahlinya dipilih oleh rakyat dalam pilihanraya umum. Dewan Rakyat mengandungi 219 ahli. Undang-undang yang dibinet oleh Parlimen sebagai Akta. Undang-undang yang dibinet oleh Dewan Undangan negeri dinamakan enakman.

Mutu jawapan yang dipamerkan sederhana. Isi yang dikemukakan terhad. Setiap isi telah dihuraikan secara terperinci namun masih belum mencukupi untuk memenuhi keperluan pemarkahan. Jawapan merangkumi sebahagian fakta daripada buku teks dan ditulis berulang-ulang.

Perlembagaan dan undang-undang tertinggi yang menjadi asas kepada pemerintahan sebuah kerajaan. Ia adalah dokumen rasmi dan di dalamnya terkandung segala peraturan dan prinsip panduan kepada kerajaan untuk melaksanakan tugasnya dan mentadbir negara. Parti politik yang memerintah akan mengetahui hala tuju pentadbiran negara dan hal ini menjamin mereka menundakan tanggungjawab bpd rakyat melalui perantaraan yang terkandung di dalamnya.

Jawapan yang dipamerkan di atas sangat lemah. Isi jawapan terhad iaitu mengemukakan beberapa fakta sahaja. Pengolahan jawapan juga ringkas dan kurang menarik.

Perincian 3

2. Peranan badan-badan pemerintah dalam sistem pemerintahan di Malaysia.

Soalan ini berkehendakkan calon menjelaskan peranan badan-badan pemerintah dalam sistem pemerintahan di Malaysia.

Malaysia ialah sebuah negara demokrasi berparlimen yang mengamalkan ~~konsep~~ konsep pengasingan kuasa. Menurut konsep ini, kuasa pemerintahan dibahagikan kepada tiga cabang iaitu badan perundangan, badan pelaksana dan badan kehakiman. Ketiga-tiga badan ini ~~harus~~ harus dipegang oleh pihak yang berasingan untuk mengelakkan pembolotan kuasa.

Badan pemerintahan yang pertama iaitu Badan Perundangan (Legislatif) - ~~Perundangan~~. Perannya ialah mengubal undang-undang bagi menjamin keadilan dan kesejahteraan rakyat. Parlimen ialah badan perundangan yang bertanggungjawab mengubal undang-undang di negara kita. Parlimen terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Dewan Negara atau Senat merupakan dewan tertinggi dalam sistem pemerintahan negara kita. Dewan Negara mengandungi 69 orang ahli. Ahli Dewan Negara yang digelar senator ini mewakili setiap negeri dan mereka dilantik tanpa melalui pertandingan dalam pilihan raya. Seseorang senator memegang jawatan bagi tempoh 3 tahun. Senator mestilah berumur sekurang-kurangnya 30 tahun. Taraf senator sama dengan Ahli Parlimen. Mereka boleh dilantik menjadi ahli Jemaah Menteri.

Badan Pemerintahan yang seterusnya ialah, badan Pelaksana (Eksekutif). Jemaah Menteri atau kabinet merupakan badan pelaksana dasar-dasar kerajaan. Kabinet merupakan pembuat dasar tertinggi negara. Kabinet juga mengubal

atau beberapa kementerian. Setiap kementerian diketuai oleh seorang Menteri dan dibantu oleh Timbalan Perdana Menteri. Menteri ~~yang~~ Tak Berportfolio tidak dibentkan tugas dalam kementerian tertentu tetapi akan dibentkan tugas-tugas tertentu oleh Perdana Menteri. Ketua Setiausaha Negara mengetuai perkhidmatan awam. Pada peringkat kementerian, pentadbiran kementerian diketuai oleh ketua Setiausaha kementerian. Ketua jabatan mengetuai jabatan kerajaan dengan gelaran ketua Pengarah.

Badan Pemerintahan yang setensnya ialah badan kehakiman. Badan kehakiman mempunyai kuasa mendengar serta menentukan perkara sivil dan jenayah. Perkara sivil berkaitan dengan saman. Biasanya memerlukan afidavit. Perkara jenayah melibatkan kanun keseksaan. Badan kehakiman boleh menentukan kesahihan undang-undang yang dibuat oleh badan perundangan atau pihak badan pelaksanaan. Badan kehakiman juga berkuasa mentafsir Perlembagaan Persekutuan dan Penembagaan Negeri. Sistem sistem mahkamah diwujudkan untuk melaksanakan tugas kehakiman. Mahkamah mempunyai kuasa mentafsirkan perlembagaan negara, mentafsirkan undang-undang, mengisytiharkan undang-undang bertulis kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri dan mempunyai kuasa mengisytiharkan sesuatu tindakan ~~tidak sah~~ kerajaan tidak sah, di sisi undang-undang.

Berdasarkan skrip jawapan, calon dapat menjelaskan peranan badan-badan pemerintah dalam sistem pemerintahan di Malaysia. Jawapan memperlihatkan susunan idea yang amat baik. Jawapan yang menepati tugas dengan olahan yang menarik, penyampaian yang jelas dan struktur ayat yang gramatis. Jawapan calon menunjukkan keupayaan tinggi untuk menganalisis fakta daripada buku teks. Fakta yang dikemukakan tepat dan idea dihuraikan secara terperinci dan berkesan. Fakta yang dikemukakan melebihi peruntukan markah dan disampaikan secara sistematik dengan pemerenggan yang sesuai.

Badan Pemerintah di Malaysia terbahagi kepada tiga iaitu, badan perundangan (legislatif), badan kehakiman (Judisiari) dan badan pelaksana (eksekutif).

Badan perundangan dipertanggungjawabkan untuk menggubal undang-undang oleh perlembagaan. Fungsi badan perundangan adalah menggubal undang-undang bagi menjamin keadilan dan kesejahteraan rakyat. Parlimen ialah badan perundangan yang bertanggungjawab menggubal undang-undang di Malaysia.

Badan pelaksana (eksekutif) terdiri daripada Jemaah Menteri atau kabinet. Kabinet merupakan pembuat dasar tertinggi negara. Tugas Jemaah Menteri adalah menggubal dasar-dasar kerajaan dalam semua perkara. Perdana Menteri merupakan ketua Jemaah Menteri — Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri mengetuai kementerian. Setiap kementerian bertanggungjawab menggubal dasar-dasar kerajaan. Perkhidmatan awam di Malaysia diketuai oleh ketua setiausaha Negara. Beliau bertanggungjawab mengawasi peralakan kementerian dan jabatan kerajaan. Beliau dibantu oleh kakitangan kerajaan yang dikenali sebagai pegawai perkhidmatan awam.

Badan kehakiman (Judisiari) mempunyai kuasa mendengar serta menentukan perkara sivil dan jenayah. Badan kehakiman boleh menentukan kesahihan undang-undang yang dibuat oleh badan perundangan dan pihak badan pelaksana. Badan kehakiman juga berkuasa mentafsir perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri. Penasihat undang-undang kerajaan ialah Peguam Negara. Peguam Negara berperanan sebagai pendakwa raya atau peguam Belo bagi kerajaan. Peguam Negara dibantu oleh Pegawai Perkhidmatan Undang-undang dan Kehakiman.

Jawapan di atas merupakan mutu yang sederhana. Jawapan calon masih dapat memberikan isi mengikut perincian namun kurang dihuraikan. Jawapan calon menunjukkan mereka hanya menyalin fakta daripada buku teks. Hal yang demikian menyebabkan jawapan calon tidak mencapai tahap menganalisis seperti mana yang dikehendaki dalam perincian.

Peranan badan-badan pemerintah dalam sistem pemerintahan di Malaysia adalah untuk membuat dasar tertinggi negara, menggubal dasar-dasar kerajaan dalam semua perkara, mengetuai kementerian dan beberapa kementerian. Kementerian bertanggung jawab menggubal dasar-dasar kerajaan dan merancang dan menyelaras program pembangunan ekonomi dan sosial bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas badan berkanun, berusaha autonomi, mentadbir lembaga pengarah. Peningkatan sumbuhanjaya.

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan dalam kumpulan rendah. Isi yang diberi amat terhad dan terlalu umum. Jawapan calon juga menunjukkan mereka tidak memahami kehendak perincian dan tidak mahir untuk menganalisis.

Perincian 4

4. Kebaikan demokrasi dan kesannya terhadap rakyat Malaysia.

Soalan ini berkehendakkan calon menjelaskan kebaikan demokrasi dan kesannya terhadap rakyat Malaysia.

Pengamalan sistem demokrasi berparlimen memberi peribagai manfaat untuk kesejahteraan rakyat Malaysia. Kewujudan pilihan raya yang dijalankan lima tahun sekali dan ditendahkan secara telus oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membolehkan kerajaan yang akan dapat dikalahkan. Di samping itu, rakyat juga diberi hak untuk memilih pemimpin yang disukai.

Seterusanya dapat memberi peluang kepada rakyat untuk memilih pemerintahan yang mampu membangunkan ekonomi negara di samping memberikan agihan ekonomi yang sama rata kepada semua rakyat tanpa mengira agama dan bangsa.

Selain itu, dapat memupuk perhubungan antara pemimpin dan rakyat dalam dasar politik, ekonomi dan sosial. Hal ini dapat memastikan kerjasama rakyat dalam membangunkan negara.

Pilihan raya juga dapat mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat dengan mengesat benua salah faham antara kaum yang akhirnya menjamin keharmonian negara.

Seterusanya pilihan raya menjamin hak kebebasan bersuara rakyat di negara ini. Di samping itu, pilihan raya memberi kebebasan kepada rakyat memilih wakil mereka di peringkat Parlimen dan Negeri.

Atas sekali, rakyat diberi hak untuk menjadi calon pilihan raya serta berhak memilih calon Parlimen dan Dewan Undangan Negeri melalui pilihan raya. Secara tidak langsung amalan demokrasi parlimen ini akan melibatkan rakyat yang taat dan setia serta sentiasa bersama untuk kesejahteraan negara.

Calon memahami kehendak perincian dengan baik dan mempamerkan mutu jawapan cemerlang. Calon berupaya menjelaskan kebaikan demokrasi dan kesannya terhadap rakyat Malaysia secara tepat dan terperinci. Jawapan telah dikelaskan berdasarkan aspek kebaikan demokrasi dan kesan secara sistematik. Jawapan merangkumi fakta yang tepat dan disokong dengan huraian terperinci. Fakta dan huraian yang dikemukakan melebihi peruntukan markah. Jawapan dikemukakan dengan pemerenggan yang sesuai dan disampaikan melalui ayat-ayat gramatis

Kebajikan demokrasi kepantimen terhadap rakyat Malaysia ialah dapat menjamin kebebasan rakyat selain itu kebajikan demokrasi kepantimen dapat menyetujui rakyat yang berbilang kaum demi perpaduan negara. Di samping itu rakyat dapat hidup dalam keadaan aman dan damai. Keselamatan rakyat akan terjamin. Rakyat mendapat kebajikan hasil daripada demokrasi kepantimen. Seterusnya kesepahaman dan permainfahaman dalam kalangan rakyat dapat dilaksanakan.

Jawapan di atas mengemukakan isi yang masih relevan dengan tugas tetapi pengolahan dan penyampaian kurang menarik. Calon berprestasi sederhana masih mampu menyenaraikan kebaikan dan kesan demokrasi terhadap rakyat. Kekurangan fakta dan huraian menyebabkan calon memperoleh markah sederhana.

Pilihanraya ialah proses memilih wakil rakyat
lamada di peringkat negeri atau persekutuan. Selain
itu terdapat dua jenis pilihanraya di Malaysia
iaitu pilihanraya umum dan pilihanraya kecil.
Yang diadakan untuk memilih ahli Dewan
Undangan Negeri dan Dewan Rakyat. Sementara
pilihanraya umum diadakan serentak di
seluruh Malaysia kecuali di Sabah dan
Sarawak.

Mutu jawapan yang lemah. Jawapan tidak menepati kehendak perincian dan terpesong. Jawapan tidak menyentuh kebaikan demokrasi dan kesannya terhadap rakyat Malaysia.

Perincian 5

5. Peranan warga Malaysia untuk menggunakan demokrasi dengan sebaik mungkin.

Perincian ini berkehendakkan calon menilai peranan warganegara Malaysia dalam menjayakan sistem demokrasi berparlimen di negara kita. Peranan warganegara Malaysia merangkumi peranan para pemimpin hinggalah kepada rakyat.

Antara peranan warganegara Malaysia dalam menjayakan Sistem Demokrasi Berparlimen ialah senantiasa menghormati kelunuran dan ketertinggian Perlembagaan Malaysia. Perlembagaan Malaysia menjamin taat setia rakyat yang tidak berbelah bahagi kepada negara serta memupuk semangat patriotisme.

Peranan yang perlu ada dalam diri setiap warganegara bagi menjayakan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen adalah dengan mematuhi segala undang-undang yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi menjamin keamanan negara. Undang-undang digubal bagi menjaga kepentingan rakyat dan keselamatan negara ini.

Sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berpelembagaan dapat dijalankan dengan baik dan mantap melalui sokongan padu rakyat terhadap kerajaan yang memerintah. Rakyat harus menjalin permuafakatan dengan kerajaan dan menyokong dasar-dasar kerajaan.

Warganegara Malaysia juga boleh melibatkan diri dalam sistem pemerintahan negara. Setiap warganegara perlu bertanggungjawab mengemami tahu perkembangan politik negara semasa. Mereka harus melibatkan diri dalam proses memilih pemimpin negara serta menentukan bentuk kerajaan.

Warganegara Malaysia juga perlu mempertahankan Sistem Raja Berpelembagaan di negara kita dalam usaha menjayakan sistem demokrasi berparlimen. Sistem Raja Berpelembagaan merupakan tonggak keagungan kerajaan Malaysia sejak merdeka hingga kini.

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan cemerlang. Jawapan dapat menilai peranan warganegara Malaysia dalam menjayakan sistem demokrasi berparlimen di Malaysia dengan tepat dan terperinci. Jawapan mengandungi fakta yang tepat, huraian yang bernas dan contoh yang relevan. Idea disampaikan dengan tersusun dan berjaya mengaitkan peranan warganegara Malaysia dalam menjayakan sistem demokrasi berparlimen di negara kita. Jawapan juga menunjukkan keupayaan calon membuat penilaian, menjana idea dan mencerna fakta daripada isu-isu semasa secara rasional. Idea disampaikan dengan gaya bahasa yang baik dan ditulis mengikut perenggan yang sesuai.

Peranan warga Malaysia untuk mengukuhkan demokrasi dengan sebaik mungkin adalah dengan berpegang teguh dan mematuhi lima prinsip Rukun Negara. Mematuhi undang-undang negara yang ditetapkan. Menjadikan Raja-raja Melayu sebagai lambang taat setia rakyat kepada negara. Rakyat perlu mematuhi peraturan dan prinsip yang telah ditetapkan. Menjaga hak asasi warga Malaysia yang berdaulat. Mengekalkan amalan demokrasi yang telah lama diamalkan. Pemimpin perlu mendorong rakyat dalam merealisasikan Wawasan 2020. Meningkatkan kemahiran tenaga kerja untuk meningkatkan kebolehan pasaran. Menyusun semula pasaran tenaga pekerjaan untuk mengubah Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi. Mewujudkan persekitaran kondusif ke arah memper tingkat kualiti hidup. Mengalakkan kerjasama yang lebih giat antara sektor awam dan swasta. Mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar.

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan prestasi sederhana. Jawapan tidak berupaya menilai peranan warganegara Malaysia dalam menjayakan sistem demokrasi berparlimen di Malaysia secara tepat dan bernas. Idea dikemukakan tidak tersusun dan bercampur aduk. Sebahagian fakta berkaitan dengan peranan warganegara Malaysia menjayakan demokrasi berparlimen tanpa huraian. Manakala sebahagian fakta lagi dikemukakan secara umum. Struktur ayat juga kurang gramatis.

Peranan warga Malaysia

Warganegara Malaysia bebas memilih dan anggotai mana-mana Parti politik yang mereka gemari.

Malaysia ialah negara demokrasi berparlimen yang ulung. Sesiapa boleh bertanding dalam pilihan raya.

Seseorang yang ingin menjadi calon dalam pilihan raya mestilah warganegara Malaysia, berumur 21

tahun, sempurna akal, bermastautin di Malaysia,

bukan orang yang muflis, tidak pegang jawatan dalam perkhidmatan awam dan tidak disabitkan

dengan sesuatu kesalahan oleh mahkamah.

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan lemah. Jawapan sangat umum dan tidak mencapai tahap menilai peranan warganegara Malaysia dalam menjayakan demokrasi berparlimen di Malaysia. Sebahagian besar jawapan terpesong dan tidak menepati kehendak perincian. Jawapan hanya mengemukakan satu hingga dua idea sahaja tanpa huraian terperinci.

Perincian 6

6. Terdapat pihak yang mempertikaikan amalan demokrasi di Malaysia.

(a) Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

(b) Berikan cadangan anda untuk menghapuskan persepsi negatif tersebut.

Perincian 6 mengandungi dua ceraiian iaitu, ceraiian (a) berkehendakkan calon mengemukakan faktor atau sebab terdapat pihak yang mempertikaikan amalan demokrasi di Malaysia dan ceraiian (b) berkehendakkan calon mengemukakan cadangan atau memberi idea langkah-langkah untuk mengatasi persepsi negatif terhadap amalan demokrasi di Malaysia.

Pihak mempertikaikan amalan demokrasi kerana tidak berpuas hati dengan tandingan pertembagaan Malaysia. Pihak ini mempertikai isu-isu berkaitan hak istimewa orang Melayu dan kedudukan raja-raja Melayu. Selain itu, pertikaian disebabkan tidak menghormati institusi beraja dan menampakkakan kewibawaan raja-raja Melayu sebagai pemerintah negeri. Pertikaian berlaku disebabkan penyalahgunaan hak kebebasan 'arab' terutamanya kebebasan bersuara. Rakyat menuntut pertaruhan melampaui peruntukan dalam perlembagaan. Selain itu, disebabkan kebanyakan isu-isu sensitif seperti kebebasan beragama. Jeterusnya, disebabkan sikap pertikaian dan tidak menghormati hak kaum lain. Pertikaian boleh berlaku disebabkan pemimpin tidak berintegriti dalam menjalankan amanah. Pihak juga mempertikai kerana ada pihak yang ambil kesempatan mencemarkan pilihan raya dengan melakukan perbuatan salah seperti menyingkirkan kehakiman dan melanggar undang-undang negara.

Jawapan ceraihan (a) di atas mempamerkan mutu jawapan cemerlang. Jawapan calon menunjukkan pemahaman tentang konsep 'mempertikaikan' iaitu tidak bersetuju, membantah, menyalahkan, menentang dan seumpamanya yang berbentuk pendapat, pandangan atau idea. Jawapan dihuraikan dengan terperinci dan diolah dengan struktur ayat yang baik. Idea yang dikemukakan bernas dan matang. Contoh yang dikemukakan juga sangat relevan dengan isu-isu semasa.

Cadangan saya ialah pihak kerajaan perlu membenarkan pengelaran agar ^{semua} pihak memahami perkara yang tersirat dan tersurat dalam perlembagaan Malaysia seperti Kempen. Pihak kerajaan perlu memperkasakan pembelajaran di sekolah rendah agar tahu akan latar belakang dan isu-isu tertentu sejak kecil hingga ke institusi pengajian tinggi. Cadangan lain ialah perlu menghormati institusi beraja dan tidak menyalahgunakan kebebasan yang diberikan dengan tidak menbenarkan isu-isu negatif. Pemimpin juga perlu cemerlang dalam pentadbiran dan berhibawa. Pihak pemerintah perlu memberi panduan kepada parti politik dalam mengadakan kempen pilihanraya. Suruhanjaya komunikasi Malaysia perlu tapis unsur-unsur negatif yang jejakkan pemikiran rakyat dan ^{rakyat} perlu hayati Kutun Negara. Kerajaan yang memerintah perlu menunaikan tanggungjawab terhadap rakyat sebaik mungkin. Semangat cinta akan negara perlu diperkukuh dan salurkan pendapat dengan cara yang betul dan patuh undang-undang negara.

Jawapan ceraihan (b) di atas mempamerkan mutu jawapan cemerlang. Jawapan calon menunjukkan pemahaman tentang konsep 'persepsi' iaitu sesuatu yang berbentuk tanggapan atau pandangan. Idea yang dikemukakan sangat terperinci merangkumi usaha atau langkah pelbagai pihak seperti kerajaan, pemimpin dan rakyat. Jawapan juga diolah dengan struktur ayat gramatis.

Terdapat pihak yang mempertikaikan amalan demokrasi di Malaysia. Perkara ini berlaku kerana ada sesetengah pihak yang tidak berpuas hati dengan keamanan negara. Selain itu, ada pihak yang membicarakan isu-isu sensitif yang memecah-belahkan kaum. Segelintir rakyat yang tidak mempunyai semangat cinta akan negara.

Jawapan cerian (a) di atas mempamerkan mutu jawapan prestasi sederhana. Jawapan menepati kehendak soalan tetapi kurang idea yang bernas. Fakta yang dikemukakan juga tidak dihuraikan secara terperinci serta tidak disertakan dengan contoh yang relevan.

Cadangan saya untuk menghapuskan persepsi negatif ialah dengan melaksanakan konsep 1 Malaysia agar perpaduan kaum dapat dibentuk. Mengamalkan integriti dalam pentadbiran dan memperkukuhkan jati diri. Seterusnya, melahirkan modal insan yang berkualiti dan matang. Menjadi warganegara yang produktif untuk pembangunan negara serta mematuhi undang-undang untuk menjamin keselamatan, menghormati agama dan kaum lain.

Jawapan cerian (b) di atas mempamerkan mutu jawapan prestasi sederhana. Fakta yang dikemukakan terhad dan tidak disertakan dengan huraian terperinci. Terdapat juga fakta yang dikemukakan tidak relevan. Pengolahan ayat baik dan mudah difahami.

Terdapat pihak yang mempertikaikan amalan demokrasi di Malaysia kerana menganggap sistem demokrasi memandatkan hidup rakyat berpedaya dengan negara yang mengamalkan sistem republik. Menganggap pemimpin yang dipilih tidak amanah dan bertanggungjawab. Menganggap pemimpin yang dipilih rakyat tidak berkaliber dan memilih kerana aspek lain bukan aspek pimpinan.

Jawapan ceraiian (a) di atas mempamerkan mutu jawapan lemah. Jawapan yang dikemukakan terpesong daripada kehendak perincian tugasan. Jawapan calon tidak mengaitkan sebab pihak yang mempertikaikan amalan demokrasi, sebaliknya memberikan jawapan 'kesan' pengalaman demokrasi di Malaysia. Fakta bersifat umum dan kabur.

Ke arahiran kepimpinan wajar di peruk dalam kalangan generasi muda. aktiviti berpasatuan dan badan beruniform di sekolah penting dalam melahirkan pemimpin yang berwawasan berfikiran terbuka, berkemampuan tinggi dan berani bersuara.

Jawapan ceraiian (b) di atas mempamerkan mutu jawapan lemah/prestasi rendah. Jawapan gagal mengaitkan dengan kehendak perincian tugasan iaitu cadangan menghapuskan persepsi setengah pihak yang mempertikaikan amalan demokrasi. Jawapan sangat umum dan berfokus kepada satu idea. Huraian jawapan terpesong.

Perincian 7

7. Huru-hara berlaku di banyak negara yang mengamalkan sistem demokrasi kini.

- (a) Mengapakah huru-hara tersebut berlaku?
- (b) Bagaimanakah huru-hara tersebut dapat diselesaikan?

Perincian 7 mengandungi dua ceraiian. Ceraiian (a) berkehendakkan calon menjelaskan tentang sebab-sebab huru-hara berlaku di banyak negara yang mengamalkan sistem demokrasi kini, manakala ceraiian (b) berkehendakkan calon menjana idea bagaimanakah huru-hara tersebut dapat diselesaikan.

Huru-hara tersebut berlaku disebabkan kemunafik politik yang berasaskan kaum.

Hal ini juga berlaku disebabkan kurangnya kesedaran berkaitan perlembagaan negara dan konsep kewarganegaraan.

Selain itu, terdapat segelintir rakyat yang tidak menghormati institusi raja malah mengkritik raja dalam media sosial.

Terdapat juga rakyat yang menolak sistem Raja Berpelembagaan dan terikut-ikut dengan sistem Republik di Indonesia.

Seterusnya, media juga tidak membantu pembentukan kewujudan negara bangsa yang baik. Media hanya menzahirkan isu-isu sensitif untuk melarikan jualan.

Akhirnya, terdapat segelintir wakil rakyat tidak memainkan peranan yang sewajarnya seperti tidak membawa masalah-masalah ke persidangan parlimen.

Jawapan ceraihan (a) di atas memaparkan mutu jawapan cemerlang. Jawapan memperlihatkan idea yang sangat relevan dan menepati kehendak perincian tugas. Faktor-faktor yang menyebabkan huru-hara dikemukakan daripada pelbagai sudut yang berpunca daripada faktor pemimpin, rakyat dan media. Jawapan juga menampakkan kematangan kerana idea yang diberi turut mengaitkan isu-isu semasa dan terkini serta dihuraikan dengan terperinci. Pengolahan ayat baik, gramatis, dan mudah difahami. Jawapan juga dibuat dalam perenggan yang sesuai.

Langkah-langkah untuk menyelesaikannya ialah dengan meningkatkan kesedaran politik dalam kalangan rakyat di peringkat sekolah lagi.

Selain itu, wajarlah untuk menerapkan kesedaran tentang perlembagaan melalui sistem pendidikan kebangsaan.

Suruhanjaya Komunikasi Malaysia mestilah bertindak tegas menyekat unsur-unsur negatif yang disebarkan dalam media sosial.

Seterusnya, kepentingan ^{institusi} hendaklah diuaru-uarkan dan tindakan tegas dikenakan terhadap orang yang mencela institusi raja.

Kita juga hendaklah memilih wakil rakyat yang berpendidikan tinggi, berintegriti dan bertanggungjawab terhadap negara kerana wakil rakyat mesti memahami inspirasi negara.

Akhirnya, sistem raja berpelembagaan hendaklah disempurnakan dan dibangunkan kerana menyeimbangkan kuasa pemerintahan.

Jawapan ceraihan (b) di atas memaparkan mutu jawapan cemerlang. Jawapan yang dikemukakan amat relevan dan menepati kehendak tugasan. Setiap isi berkaitan langkah mengatasi huru-hara disertakan dengan penjelasan. Struktur ayat menunjukkan tahap kematangan jawapan dalam mengaitkan isu-isu semasa dalam negara. Pengolahan ayat juga jelas dan amat mudah difahami.

Negara yang mengamalkan sistem demokrasi ini
kebanggaan bertakunya huru-hara. Setengah pihak
tidak berpuas hati kerana perwakilan yang telah
diundi tidak menjadi wakil rakyat. Sikap tidak
puas hati ini telah menyebabkan keadaan
menjadi huru-hara. Pihak tersebut juga
bersikap mementingkan diri sendiri. Pihak
tersebut juga tidak menghormati keputusan
yang telah ditetapkan

Jawapan ceraihan (a) di atas memaparkan mutu jawapan prestasi sederhana. Jawapan memaparkan idea yang terhad dan tidak dihuraikan dengan terperinci. Hal ini sekali gus memperlihatkan persembahan idea yang tidak mantap. Jawapan juga memperlihatkan pengulangan fakta dan idea.

Dapat Huru-hara itu dapat diselesaikan melalui
amalan say kerajaan beberapa peranan pihak.
Seperti kerajaan hendaklah membuat kempen
tentang amalan sayahgi pemimpin patuh dan taat".
Selain itu, pihak sekolah, hendaklah mengedarkan
universiti
kertas pamflet yang memberi tahu tentang
kepentingan demokrasi. Ibu bapa sentiasa memupuk
dalam diri anak agar untuk mematuhi undang negara.
Rakan sentiasa menyeru tentang isu semasa
agar sentiasa demokrasi.

Jawapan ceraihan (b) di atas memaparkan mutu jawapan prestasi sederhana. Jawapan calon masih relevan dan menepati kehendak tugas. Walau bagaimanapun, jawapan hanya mengutarakan isi tanpa huraian. Isi yang diberikan tidak mencukupi atau tidak mencapai tahap maksimum seperti mana yang diperuntukkan dalam jumlah markah. Idea yang disampaikan juga kurang bernas.

Huru-hara tersebut berlaku kerana kemunculan golongan radikal, masalah perpaduan, kewujudan pelbagai kaum, gejala sosial, perlakuan jenayah, kebajiriran pendatang asing masalah kemiskinan dan jurang ekonomi antara kaum.

Jawapan ceraihan (a) di atas memaparkan mutu jawapan yang lemah. Jawapan yang dikemukakan terlalu umum. Jawapan menjurus kepada faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya huru-hara di sesebuah negara tetapi tidak mengaitkan negara yang mengamalkan demokrasi. Idea juga bercampur aduk dan sebahagiannya tidak relevan dengan kehendak perincian tugasan.

Cara untuk menyelesaikan huru-hara ini adalah dengan mengenakan hukuman yang setimpal kepada kaki tangan yang mengambil rasuah

Seterusnya, menanam sikap dan budaya kerja cemerlang dalam kalangan kaki tangan awam seperti menfiktiraf pegawai awam yang melaksanakan kerja mereka dengan baik

Mengamalkan penggunaan teknologi moden bagi mempercepatkan sesuatu urusan seperti sekolah Bestari atau kad pintar

Jawapan ceraihan (b) di atas memaparkan mutu jawapan yang lemah. Jawapan calon menjurus kepada cara mengatasi huru-hara yang berlaku dalam sesebuah negara secara umum dan bukan di negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Idea yang dikemukakan juga berdasarkan satu aspek sahaja iaitu pentadbiran. Sebahagian idea yang dikemukakan juga tidak relevan.

Perincian 8

8. Iktibar yang diperoleh berdasarkan tajuk yang dikaji

Perincian tugas berkehendakkan calon mengemukakan iktibar yang diperoleh berdasarkan tajuk yang dikaji.

Iktibar yang telah saya peroleh ialah rakyat mestilah mematuhi Perlembagaan negara demi mengekalkan kedaulatan Malaysia. Seterusnya, Rakyat mestilah taat kepada pemerintah supaya negara menjadi aman. Selain itu, rakyat mestilah menyanjung tinggi raja sebagai tonggak utama negara. Rakyat hendaklah berganding bahu membantu kerajaan dalam mengekalkan sistem pemerintahan. Di samping itu rakyat perlulah mengutamakan kepentingan negara berbanding kepentingan diri. Kerajaan juga perlulah amanah dalam menjalankan tanggungjawab pentadbir negara. Kita sehausnya menjaga kemakmuran negara bangsa. Rakyat juga perlu bekerjasama dengan pemimpin untuk menwujudkan negara yang aman dan sejahtera.

Kita perlu bersyukur dengan kemampuan yang dicapai oleh negara dalam pelbagai bidang. Kerajaan juga perlulah berfikiran terbuka dalam menerima pelbagai pandangan untuk memantapkan pentadbiran negara. Pemimpin dan rakyat perlu sentiasa patuh kepada undang-undang bagi mengekalkan keharmonian negara Malaysia ini.

Kerajaan dan rakyat mestilah akur kepada prinsip keluhuran perlembagaan agar kedaulatan negara terjamin. Setiap warganegara pula perlulah menerima unsur-unsur budaya kaum lain agar kita hidup dalam komuniti yang bersatu padu.

Jawapan di sebelah memaparkan mutu jawapan cemerlang. Jawapan yang dikemukakan calon sangat mantap serta merangkumi kesemua aspek iktibar yang diperlukan termasuk huraian yang lengkap. Calon berprestasi tinggi berjaya menyatakan iktibar yang diperoleh daripada pengamalan sistem demokrasi berparlimen di negara kita dengan jelas dan tepat. Calon menunjukkan pengolahan isi yang sangat baik.

Iktibar yang diperolehi berdasarkan tajuk yang dikaji ialah sering berjaya antara kaum dalam masyarakat majmuk. Selain itu, kreatif dan inovatif dalam bidang pendidikan dan penyelidikan, sentiasa bersikap inovatif apabila meraka suatu bidang baharu. Mempunyai sikap budaya saing dalam mencapai sesuatu kejayaan. Sentiasa bersikap positif apabila melibatkan diri dalam perancangan. Sentiasa optimis dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Berbangga menjadi rakyat Malaysia yang hidup dalam negara yang aman. Bersedia menerima perubahan dalam pembangunan sains dan teknologi, mengamalkan warisan bangsa supaya tidak hilang di mata dunia. Menyukai semangat jati diri bagi menjamin keamanan negara. Menghormati hak-hak individu dalam masyarakat majmuk.

Jawapan di atas memaparkan mutu jawapan prestasi sederhana. Jawapan yang diberikan masih mengikut kehendak perincian tetapi huraian dan fakta yang diberikan tidak mencukupi dan umum. Banyak iktibar yang diberikan tetapi tidak berdasarkan tajuk dikaji. Pengolahan dan penyampaian isi kurang menarik.

Iktibar yang telah dipodehi oleh saya
adalah kerja keras dalam perdekutuan
untuk menubuhkan dasar sistem beraja
dalam negara. Semangat jitu tidak
pernah luntur ke arah kemerdekaan.
Dari kesejahteraan rakyat, kerajaan
bergantung bahu utk maju.

Jawapan di atas memaparkan mutu jawapan yang lemah. Jawapan calon hanya mengemukakan satu iktibar secara umum. Idea yang dikemukakan amat terhad dan kurang relevan. Penyampaian isi kurang jelas dan struktur ayat sangat lemah.

Perincian 9

9. Perincian berkehendakkan calon membuat kesimpulan keseluruhan isi yang telah dibincangkan:

- (a) Pengetahuan yang diperoleh
- (b) Nilai/unsur patriotisme berdasarkan tajuk
- (c) Harapan menjadikan bangsa dan negara Malaysia cemerlang dan terbilang

Jawapan perlu merangkumi tiga perkara iaitu pengetahuan yang diperoleh, nilai/unsur patriotisme kepada diri, bangsa dan negara serta harapan menjadikan bangsa dan negara Malaysia cemerlang dan terbilang. Setiap aspek perlu diberikan huraian yang jelas.

Pengetahuan yang saya peroleh ialah Malaysia telah mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen sejak merdeka lagi. Pengetahuan kedua yang saya peroleh ialah raja merupakan pemerintah tertinggi negara Malaysia. Nilai pertama yang saya peroleh ialah saya perlu rajin menuntut ilmu bagi menjana kemajuan negara. Selain itu, nilai kedua ialah kita perlu mengamalkan semangat bekerjasama dalam mempertahankan negara agar kedaulatan negara berkekalan. Unsur patriotisme yang saya peroleh ialah kita perlu menghayati prinsip-prinsip negara untuk memastikan negara aman dan damai. Kita juga perlu mengekalkan kedaulatan dan keamanan negara agar kita terus dihormati di persada dunia. Harapan pertama saya untuk menjadikan bangsa dan negara Malaysia agar cemerlang dan terbilang ialah perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia terus berkekalan agar keharmonian kaum dapat dipertahankan. Harapan kedua saya ialah pemimpin-pemimpin negara akan menjalankan pemerintahan negara dengan baik supaya kemajuan negara dapat dipertingkatkan.

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan yang cemerlang. Jawapan calon merangkumi aspek pengetahuan yang diperolehi, nilai kepada diri, bangsa dan negara serta harapan menjadikan bangsa dan negara Malaysia cemerlang dan terbilang. Jawapan calon dikemukakan secara sistematik beserta huraian. Jawapan yang dikemukakan juga melebihi kehendak peraturan pemarkahan dan memeperlihatkan kematangan berfikir dengan mengemukakan idea yang bernas dan relevan.

Pengetahuan yang diperoleh ialah sistem pemerintahan demokrasi berparlimen merupakan sistem yang terbaik kerana memberikan ruang kepada rakyat untuk membuat keputusan memilih pemimpin melalui sistem pilihan raya yang terus dan adil agar dapat membentuk kerajaan yang mantap.

Ibtibar ialah kerjasama antara pemimpin dan rakyat menjamin kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi.

Jawapan di atas mempamerkan jawapan sederhana. Kesimpulan yang dikemukakan tidak merangkumi semua aspek yang dikehendaki. Kebanyakan calon hanya menyatakan dua daripada tiga aspek yang diperlukan. Pengolahan jawapan kurang menarik dan struktur ayat kurang gramtis.

Harapan saya ialah Malaysia menjadi sebuah
negara yang berdaulat dan dijegani di
persada dunia.

Jawapan di atas mempamerkan mutu jawapan yang lemah. Jawapan ditulis secara umum dan hanya menyatakan satu daripada tiga aspek yang diperlukan.

SARANAN KEPADA CALON

1. Membaca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.
2. Perlu memahami tugas umum yang dikemukakan.
3. Melakukan penyelidikan yang mendalam tentang tajuk yang akan diuji. Maklumat boleh dikumpul dari pelbagai sumber
4. Perlu banyak membaca serta menjawab latihan bagi meningkatkan tahap penguasaan menjawab.
5. Jadikan buku teks yang dibekalkan oleh Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai sumber rujukan dan bahan pembelajaran.
6. Calon perlu mengelak daripada terlalu bergantung kepada bahan-bahan ramalan. Sebaliknya, disarankan berbincang dengan guru dan rakan bagi menyediakan rangka jawapan
7. Penulisan berbentuk pelaporan iaitu menggunakan ayat lengkap dan dihurai dengan terperinci.
8. Setiap perenggan mesti dimulakan dengan ayat topik dan diikuti ayat-ayat huraian serta contoh.
9. Gunakan penanda wacana untuk merangkaikan ayat dengan ayat dan perenggan dengan perenggan sebagai kesinambungan tugas.
10. Tulis dengan jelas dan kemas supaya mudah difahami

SARANAN KEPADA GURU

1. Guru perlu membimbing murid menggunakan buku teks, huraian sukatan pelajaran dan sukatan pelajaran.
2. Buku daftar kata perlu dijadikan bahan rujukan untuk menambahkan kosa kata murid.
3. Membimbing murid untuk menguasai teknik menjawab mengikut garis panduan peperiksaan.
4. Mempelbagaikan strategi, kaedah dan teknik dalam pembelajaran dan pengajaran bagi menarik minat murid.
5. Guru wajar menerangkan kekuatan dan kelemahan tugas yang dihasilkan oleh murid.
6. Guru perlu membimbing murid yang belum menguasai penulisan dengan memberikan latihan-tubi dan pendedahan pelbagai teknik mengarang.
7. Guru perlu memantapkan pengetahuan berbahasa murid dengan baik.
8. Guru perlu tahu menjelmakan nilai tersurat dan tersirat disebalik kandungan mata pelajaran.
9. Guru mesti menilai hasil kerja murid mengikut pemeriksaan yang betul.
10. Guru perlu memperbanyakkan latihan tugas berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).